

# 494 kes kebakaran hutan dilaporkan di Sarawak

**KUCHING** - Insiden kebakaran hutan di Sarawak semakin bertambah dengan 17 lagi kes dilaporkan setakat 8 pagi semalam menjadikan keseluruhan 494 kes dilaporkan sejak 1 Ogos, menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak.

Jumlah kawasan terjejas setakat ini ialah seluas 563 hektar serta turut terjejas dua buah rumah masing-masing di Kampung Sangki, Simunjan dan Kampung Sedi di Pulau Bruit.

"Secara Purata JBPM Sarawak bertindak ke atas 30 kes kebakaran api belukar setiap hari dan untuk hari ini (semalam), bahagian Kuching mencatat kes tertinggi dengan lapan kes, diikuti Miri (4) dan Betong (3)," menurut kenyataan JBPM Sarawak.



ANGGOTA bomba merekodkan sebanyak 494 kes kebakaran hutan di Sarawak sejak 1 Ogos lalu. - Gambar hiasan

Antara lokasi yang masih melibatkan operasi sehingga hari ini (semalam) ialah di Kampung Sedi, Pulau Bruit,

Tanjung Manis yang memasuki hari ke-10 yang melibatkan keluasan terbakar seluas 40 hektar (100 ekar) di mana keluasan

yang telah berjaya dipadamkan ialah 36.8 hektar (92 ekar).

"Selain itu, Kampung Tuie, Sarabang, Betong telah memasuki hari ketujuh dengan melibatkan keluasan yang terbakar seluas 26.4 hektar (66 ekar) manakala keluasan yang telah berjaya dipadam ialah 24 hektar (60 ekar)," ujar kenyataan itu.

Sementara itu, bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sri Aman dan Stesen Pengawasan Udara Automatik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri berada dalam kategori 'Sangat Tidak Sihat', setakat 6 petang ini.

IPU di Sri Aman dan ILP Miri mencatatkan bacaan masing-masing 257 dan 223 setakat pukul 6 petang semalam. - Bernama

## INFO Petunjuk IPU

### Tahap sederhana

- Cheras, Kuala Lumpur (84)
- Putrajaya (86)
- Rompin, Pahang (99)

### Sangat tidak sihat

- Sri Aman, Sarawak (257)
- ILP, Miri (223)

### Tidak sihat

- SK Kuala Baram (119)
- 0 hingga 50 (baik)
- 51 hingga 100 (sederhana)
- 101 hingga 200 (tidak sihat)
- 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) lebih 300 (bahaya)

\* Setakat pukul 6 petang semalam